

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [ KETEREH ]**  
**TARIKH : 19.10.2015**  
**SOALAN :**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [ Keterah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian bagi menjayakan sistem Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi melahirkan golongan berkemahiran dan seterusnya bagi mencapai sasaran 60 peratus tenaga kerja daripada golongan berkemahiran bagi mencapai status negara maju kelak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai peranan utama dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) agar tenaga kerja daripada golongan berkemahiran dapat disasarkan sekali gus dapat mencapai status negara maju. Antara usaha KPM bagi melahirkan golongan berkemahiran TVET ialah melalui transformasi pendidikan vokasional. Sebanyak 80 buah sekolah menengah vokasional (SMV) telah dinaiktarafkan sebagai kolej vokasional (KV) dan 85 buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) telah melaksanakan program Pendidikan Asas Vokasional. (PAV).

KPM telah mengadakan kerjasama dengan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) melalui program *buying places*. ILKA dan ILKS terbabit melaksanakan program pendidikan vokasional dengan kos yuran dibiayai oleh KPM sepenuhnya.

KPM juga akan melaksanakan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) pada tahun 2016 di 404 buah SMK terpilih yang sedang melaksanakan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) dengan melibatkan 10,100 orang murid. Dalam jangka masa panjang, PPPM 2013-2025 menetapkan sasaran sebanyak 20 peratus murid menengah atas mengikuti bidang TVET menjelang tahun 2020.

RJM03